

Semua mahasiswa akan didedahkan elemen keusahawanan

PETALING JAYA 24 April - Kementerian Pengajian Tinggi akan terus memastikan semua mahasiswa didedahkan dengan elemen keusahawanan dalam program pengajian yang mereka ikuti di institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, bagi melaksanakan sasaran itu, para ahli akademik akan diberi latihan mengenai pendidikan keusahawanan dan untuk membantu sistem penyampaian di IPT berkaitan perkara tersebut.

“Kementerian menerusi pelbagai kerjasama dengan IPT dan agensi akan terus membina platform kukuh bagi menggabungkan usahawan dan syarikat-syarikat perniagaan dengan institusi akademik untuk tujuan itu.

“Oleh itu, kita mahu melihat lebih banyak pihak memainkan peranan dalam memperkukuhkan budaya keusahawanan selain mencipta inovasi untuk bidang itu,” katanya.

Beliau berucap pada Sidang Kemuncak Pendidikan Ke-16 anjuran Institut Kepimpinan dan Strategi Asian (ASLI) bertemakan ‘Transformasi Dalam Gerakan: Peluang dan Cabaran Dalam Pendidikan Malaysia’ di sini hari ini.

Turut hadir ialah Pengerusi ASLI, Tan Sri Dr. Jeffrey Cheah dan Ketua Pegawai Eksekutif ASLI, Datuk Dr. Michael Yeoh.

Mohamed Khaleed berkata, sejak kebelakangan ini, banyak pihak di dalam sektor pengajian tinggi telah mula memberi perhatian terhadap

kepentingan aspek keusahawan dalam kalangan mahasiswa memandangkan ia memberi nilai besar bukan sahaja kepada generasi

muda malah negara.

Dalam pada itu, beliau berkata, Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) bagi pendidikan telah menunjukkan

pencapaian memberangsangkan sejak ia dilancarkan pada 2010.

“Kita telah mencapai perkembangan cemerlang pada tahun pertama ia dilancarkan dengan kesemua 13 projek permulaan bagi bidang ini berjalan lancar sebelum ini,” katanya.

Sementara itu, ketika ditemui pemberita, Mohamed Khaled berkata, lima universiti penyelidikan yang diberi kuasa autonomi tidak lagi mempunyai alasan untuk tidak boleh mencapai tahap kecemerlangan dikehendaki kementerian.

Ini kerana katanya, pemberian kuasa autonomi itu bermakna kelima-lima universiti berkenaan mempunyai peluang dan kuasa secukupnya untuk membuat keputusan bagi memastikan mampu mencapai kecemerlangan dalam semua aspek.

Lima universiti yang diberi kuasa autonomi baru-baru ini adalah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

“Selepas ini mereka tidak ada alasan lagi untuk kata tidak boleh bergerak cemerlang kerana ada halangan oleh kerajaan,” katanya.



MOHAMED Khaled Nordin (tiga dari kanan) dan Dr. Micheal Yeoh (empat dari kiri) bergambar bersama penaja selepas penyerahan cenderamata pada majlis perasmian Sidang Kemuncak Pendidikan Ke-16 di Hotel Sunway Subang Jaya, semalam.